



TEMAN PUSAT SUMBERKU

❧ FAKTA MINI ❧

MASA SILAM

Nikaz

MABOPA
No. Ahli: 8702

PENERBIT PRISMA SDN BHD

No. Syarikat : 154124-A

Cetakan Pertama 2001

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua
bentuk atau cara sekalipun kecuali
dengan izin bertulis
daripada

PENERBIT PRISMA SDN BHD

No. Syarikat 154124-A
10 Jalan PJS 7/17
Bandar Sunway
46150 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03 - 738 0541
Faks: 603 - 734 7256

M
970
11/11

M
f

ISBN 983-823-807-4 (SET)
983-823-809-0

Dicetak oleh **YEONPRINCO SDN BHD**



Bilakah manusia mencipta peralatan?

MANUSIA primitif pertama yang menggunakan peralatan adalah yang tinggal di Afrika kira-kira 1.8 juta tahun yang lalu. Fosil peninggalan mereka dan alatan yang telah digunakan telah ditemui di Tanzania.



Fosil itu ditemui oleh dua orang ahli patologi, Louis dan Mary Leakey. Adik-beradik Leakey itu telah menjelajah kawasan fosil di Afrika Timur. Peralatan yang digunakan itu diperbuat daripada batu kelikir yang diketuk pada satu bahagian hujungnya dengan batu yang lain sehingga serpih.

16 JUL 2002

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01070010

Peninggalan pertama ditemui di Lembah Neander berhampiran Dusseldorf di Jerman Barat pada 1856. Ada juga yang ditemui di Britain, Perancis dan Itali.

Orang Neanderthal bertubuh pendek tetapi berotot. Ketinggian tidak melebihi 1.5 meter. Tengkorak mereka panjang dan ada rabung tebal di atas mata. Mereka tinggal di dalam gua dan menggunakan api untuk memanaskan tubuh. Mereka membuat pengikis kapak daripada batu dan seligi kayu. Mereka memburu binatang besar seperti mamot dan badak bulu. Mereka juga mengamalkan pengkebumian mayat. Orang Neanderthal pupus kira-kira 35 000 tahun lalu.



Bilakah orang Cro-Magnon wujud?

ORANG CRO-MAGNON adalah salah satu daripada manusia terawal. Mereka tinggal di Eropah, Asia dan Afrika Utara kira-kira 35 000 tahun yang lalu.



Nama Cro-Magnon diberi bersempena nama gua di Les Eyzies, di barat daya Perancis, di mana tulang mereka mula-mula ditemui. Mereka adalah daripada spesies yang sama dengan kita. Homo sapiens bermakna manusia sangat pandai.

Orang Cro-Magnon tinggal di dalam gua dan telah menghasilkan banyak lukisan dinding seperti yang ditemui di Gua Lascaux di Perancis dan Gua Altamira di Sepanyol.

Orang Cro-Magnon dipercayai datang dari Asia Barat. Tinggi mereka kira-kira 1.7 meter. Tulang rangka yang dijumpai menunjukkan tubuh mereka lebih kurang sama seperti manusia zaman sekarang. Mereka membuat peralatan batu yang baik. Mereka juga lebih bijak berbanding orang Neanderthal.



Bilakah perdagangan berkembang?

PERDAGANGAN bermula sejak zaman batu lagi apabila manusia mula memiliki barangan dan berhasrat untuk bertukar suka sama suka. Manusia zaman batu mungkin berdagang makanan dan kulit binatang. Mereka juga berdagang batu api untuk membuat peralatan batu mereka. Perdagangan bertambah maju apabila manusia semakin bertamadun dan tinggal di bandar.


Masyarakat Sumeria yang tinggal di Mesopotamia telah pergi berdagang di semua pusat perdagangan di Timur Tengah.

Salah satu pusat perdagangan yang utama ialah Ur. Pedagang-pedagang ini menyimpan kira-kira mereka pada batu bersurat tanah liat yang kebanyakannya masih lagi wujud. Masyarakat Ur juga mengeluarkan barangan seperti kain. Mereka menukarkannya dengan bahan mentah yang berharga seperti tembaga, emas dan gading. Barang-barang mereka dihantar melalui laut ke Dilmun (Bahrain). Kemudian kapal-kapal dagang dari Timur Jauh datang ke sana dengan membawa tembaga dan barang-barang lain.



Bilakah bandar yang pertama didirikan?

BANDAR tertua yang diketahui adalah Jerico yang terletak di Tebing Barat Israel, Jordan. Ia pertama kali dibina 12 000 tahun yang lalu.



Pemburu-pemburu zaman batu menduduki Jerico pada kira-kira 10 000 SM dan mula bercucuk tanam di situ. Tapak sebenar Jerico adalah sebuah anak bukit yang dipanggil Tell Es-Sultan, di pinggir bandar Jerico. Di sana terdapat sebuah oasis. Orang Jerico membina rumah daripada batu lumpur dan mengelilinginya dengan tembok batu yang besar dan sebahagiannya masih lagi wujud. Mungkin terdapat 3,000 orang yang tinggal di Jerico.

Sebuah bandar yang dua kali saiz Jerico ditemui di Catal Huyuk, di selatan Turki. Catal Huyuk sudah didiami untuk beribu-ribu tahun sejak dari 7100 SM. Di antara peninggalan terbaik bangsa ini yang ditemui adalah hasil tembikar, kain, cermin dan dinding yang dilepa dan dicat.



Bilakah binatang mula dipelihara?

MANUSIA mula memelihara binatang sebelum 8000 SM. Binatang yang mula-mula dipelihara mungkin anjing, kambing dan biri-biri.



Anjing adalah binatang pertama yang menjadi binatang kesayangan manusia. Binatang ini menjadi jinak dengan sendirinya apabila kerap datang mencari makanan berhampiran kawasan kediaman manusia. Orang Red Indian di Idaho telah memelihara anjing sejak kira-kira 8400 SM.

Masyarakat Iraq, Iran dan bahagian-bahagian lain di Timur Tengah memelihara kambing dan biri-biri sejak 700 SM. Babi dan lembu diternak selepas itu. Lembu juga digunakan untuk mengangkut barang dan membajak tanah.

Keldai dan kuda juga dipelihara sebagai binatang penarik pada 3,000 SM. Di Amerika dan Australia, tidak ada binatang yang cukup besar untuk dijadikan binatang penarik kecuali illama yang terdapat di Andas. Kekurangan tenaga binatang ini telah menghalang perkembangan ketamadunan.



Bilakah Dinasti yang pertama memerintah China?

DINASTI adalah keluarga pemerintah. Keluarga pemerintah pertama yang diketahui ialah Dinasti Shang yang memerintah kira-kira pada 1500-1027 SM.



Ada yang mengatakan terdapat satu dinasti yang lebih awal yang dirujuk sebagai Hsia.

Masyarakat Shang membina bandar-bandar besar di dataran berhampiran dengan Sungai Kuning (Yellow River). Di sini, orang kebanyakan yang miskin tinggal di dalam bangsal manakala yang kaya pula tinggal di dalam rumah yang besar. Bandar itu dikelilingi oleh tebing tanah yang tinggi.

Masyarakat bangsawan ini menaiki kereta yang ditarik oleh kuda dan ianya menjadi kenderaan perang sewaktu peperangan. Semasa perang, setiap kereta kuda ini membawa dua orang askar selain daripada pemandu.

Masyarakat Shang menghasilkan barang-barang hiasan daripada gangsa. Mereka adalah pengarca yang mahir. Dinasti Shang akhirnya dijatuhkan oleh Dinasti Chou pada 1027 SM.



Bilakah Mesir diperintah oleh firaun?

PERKATAAN firaun bermaksud 'rumah agung' atau 'istana diraja'. Masyarakat Mesir menggelar raja-raja mereka dengan nama ini dari kira-kira 1570 SM sehingga orang Rom menakluki Mesir pada 30 SM.




Selama beratus-ratus tahun orang Mesir menganggap firaun bukan sahaja raja tetapi sebagai Tuhan. Terdapat satu catatan yang berbunyi: Pujalah raja...dialah yang menjadikan segala-galanya. Firaun sendiri pula memuja Tuhan matahari, Re. Di antara nama panggilan firaun ialah 'Anak Re'. Malah dia juga digelar Tuhan bagi langit dan bumi Mesir.

Walaupun dalam teorinya, firaun adalah seorang yang sangat berkuasa, dia juga terpaksa akur kepada undang-undang dan adat. Gambar atau patung firaun biasanya mengenakan mahkota dua tingkat yang melambangkan langit dan bumi Mesir. Dia juga memegang tongkat berkeluk dan tongkat kayu sebagai lambang kekuasaannya. Gambar atau patung permaisuri pula biasanya lebih kecil.



Bilakah manusia mula menggunakan logam?

OBJEK-OBJEK logam tertua yang pernah ditemui diperbuat daripada tembaga diyakini bertarikh sebelum 7000 SM. Objek itu ditemui di Cayonu Tepesi, di Turki.



Barang-barang tembaga itu dibuat dengan cara mengetuk ketulan logam itu. Pembuatnya menggunakan ketulan-ketulan logam kecil. Emas dan tembaga seringkali diperolehi dalam bentuk begitu. Namun logam yang utama pada masa itu ialah gangsa yang merupakan campuran timah dan tembaga dan ianya lebih kuat daripada kedua-duanya.

Logam tidak digunakan secara meluas sehinggalah manusia menemui cara untuk meleburkannya iaitu mengasingkannya daripada batu-batan dengan memanaskan di dalam relau pada kira-kira 4000 SM. Pada 3000 SM tukang besi di Mesopotamia (sekarang dikenali sebagai Iraq) telah menghasilkan pelbagai barangan gangsa. Namun mereka bukanlah masyarakat pertama yang menghasilkan barangan seumpama itu kerana para arkeologi telah menemui mata tombak daripada gangsa yang bertarikh kira-kira 3600 SM di Thailand.



Bilakah Stonehenge dibina?

STONEHENGE telah dibina dalam tiga peringkat. Peringkat permulaan bermula seawal 2750 SM dan yang terakhir kira-kira pada 1300 SM.



Tiada siapa yang mengetahui mengapa ia dibina. Tidak disangkal ia adalah tempat keagamaan tetapi mungkin juga ia sebuah balai cerap. Sesetengah batu itu disusun selari dengan matahari terbit pada pertengahan musim panas dan selari juga dengan bulan terbit pada pertengahan musim salji. Orang pada hujung zaman batu dipercayai mula membina Stonehenge dengan cara menggali parit dan tebing dalam bentuk bulatan.

Mereka juga menggali sebuah lubang kecil yang bulat yang kini dikenali sebagai 'Aubrey Holes', bersempena nama John Aubrey, penulis abad ke-16 yang menemuinya.

Antara 2000 SM dan 1700 SM, satu jalan yang panjang telah dibuat, menghubungkan Stonehenge dengan Sungai Avon.

80 batu biru dari Wales telah ditegakkan dalam bulatan berganda. Pada kira-kira 1700 SM pula, blok-blok batu pasir yang besar telah dipasang sebagai palang. Beberapa batu biru lagi ditegakkan pada kira-kira 1300 SM.



Bilakah Peperangan Trojan berlaku?

PENAKLUKAN Troy yang diceritakan oleh Homer di dalam puisinya, Iliad berlaku pada sekitar 1250 SM.



Homer mungkin hidup sekitar 800 SM, namun tidak ada sebarang bukti mengenainya. Puisinya mengenai Troy adalah berasaskan cerita-cerita lama dan legenda yang bercampur aduk di antara kenyataan dan khayalan. Puisinya diberi nama Iliad, bersempena nama lain bagi Troy, iaitu Ilios. Menurut Homer, Troy telah ditawan oleh askar Greek yang diketuai oleh Agamemnon.

Peninggalan kota Troy ditemui di antara 1870 dan 1890 oleh seorang peminat arkeologi berbangsa German, Heinrich Schliemann. Troy telah dimusnahkan dan dibina semula beberapa kali. Bandar pertamanya mungkin dibina sekitar 3000 SM. Kemusnahan bandar Troy yang terbesar adalah bandar yang ketujuh. Kesan peninggalan menunjukkan bandar itu telah dihancurkan dan dibakar.



Bilakah Rom diasaskan?

MENGIKUT legenda, Rom telah diasaskan pada 735 SM. Namun terdapat penempatan kecil yang telah wujud sebelum pengasasan itu.

750 tahun selepas itu, seorang penulis Rom, Livy yang menulis mengenai legenda itu mengatakan Rom telah diasaskan oleh kembar bernama Romulus dan Remus. Mereka ini telah dibuang ke dalam Sungai Tiber sewaktu bayi lagi oleh pak cik mereka yang kejam. Mujurlah mereka telah diselamatkan dan disusui oleh seekor serigala betina. Mereka kemudiannya ditemui oleh seorang penggembala biri-biri dan dia telah membesarkan mereka.



Remus telah terbunuh tetapi Romulus menjadi raja Rom yang pertama. Apa yang mungkin sebenarnya berlaku ialah beberapa puak kecil telah membuat penempatan di tujuh bukit yang membentuk Rom. Puak yang mula-mula sampai mungkin Palatine yang tinggal di bukit yang paling terpencil.

Daripada ketujuh-tujuh raja itu, empat yang pertama seolah-olah legenda tetapi yang tiga lagi itu ada kemungkinan benar dan mereka adalah penakluk berbangsa asing.



Bilakah Maut Hitam melanda dunia?

MAUT HITAM atau 'black death' adalah wabak bubonik yang melanda Asia dan Eropah di antara tahun 1334 sehingga 1351.



Wabak bubonik mendapat namanya bersempena buboes atau bengkak pada badan mangsa. Kemunculan wabak ini dikenal pasti sejak dari era Rom dan Biblical.

Wabak penyakit berjangkit yang dikenali sebagai Maut Hitam ini bermula di Asia Tengah. Penyakit ini disebarkan oleh hama tikus.

Kapal dan kereta kuda yang mengangkut barang telah membawa dan menyebarkan penyakit ini ke arah barat.

Menjelang 1346, penyakit ini sudah tersebar hingga ke Crimea. Dari sana, ia tersebar ke Eropah melalui kapal-kapal laut. Wabak ini menular di Eropah dalam tahun 1348. Menjelang akhir tahun 1350, hampir seluruh Eropah sudah dilanda penyakit ini. Wabak ini berakhir pada penghujung tahun 1351. Perbandingannya, seorang daripada tiga orang mati akibat wabak ini.



Bilakah Renaissance bermula?

RENAISSANCE adalah kebangkitan semula ilmu dan perubahan pemikiran manusia. Ia bangkit di Itali sekitar 1300 dan berlarutan sehingga 300 tahun.

Perkataan Renaissance bermakna 'kelahiran semula'. Perkataan ini mula-mula digunakan pada tahun 1800an untuk menerangkan kehebatan era ini. Ia bermula di bandar Florence, di Itali. Salah seorang pelopornya ialah Giotto yang merupakan salah seorang pelukis figura realistik zaman itu.



Bidang penulisan pula dipelopori oleh seorang penyajak, Petrarch yang mengembalikan karya-karya sastra kuno Greek dan Rom. Hasil karya pada masa itu dipengaruhi oleh aliran ini. Filippo Brunelleschi, seorang arkitek mengkaji bangunan-bangunan Rom dan Greek lalu mereka bangunan baru yang sama gaya dengannya.


Kemuncak Renaissance ialah penemuan seni cetakan yang dihasilkan oleh seorang tukang emas berbangsa Jerman, Johann Gutenberg dari Mainz kira-kira tahun 1440. Sebelum seni cetakan dicipta, buku jarang didapati kerana kerja-kerja penyalinan semulanya dibuat secara manual dan memakan masa.

Renaissance berkembang dari Itali ke Perancis pada penghujung 1400an dan kemudiannya sampai ke Jerman, Belanda dan England. Kemuncaknya adalah pada 1500an dan dikenali sebagai kemuncak Renaissance.



Bilakah Perang Dunia Kedua bermula?

PERANG dunia kedua bermula apabila Jerman menyerang Poland pada 1 September 1939.



Jerman sudah beberapa kali mengancam Poland kerana diktator Jerman, Adolf Hitler mahu kota bebas Danzig (Gdansk) bersatu dengan Jerman. Dia juga mahukan laluan yang menghubungkan dengan Koridor Poland, yang menjadi laluan ke laut tetapi memotong Jerman dari Prusia Timur.

Britain dan Perancis merayu agar Poland dibantu. Pada 3 September, selepas Poland diserang, mereka mengisytiharkan perang. Mereka kemudiannya dibantu oleh Australia, India dan New Zealand. Tidak lama kemudian Afrika Utara dan Kanada pula ikut serta.

Pada tahun pertama peperangan, Jerman mengambil alih Poland, Denmark, Normay, Luxembourg, Belanda, Belgium dan Perancis. Itali pada masa itu memihak kepada Jerman. Jerman dan Itali kemudiannya menakluk Yugoslavia dan Greek. Jerman kemudiannya menyerang Rusia pada bulan Jun 1941.



Apakah yang berlaku di Pearl Harbor?

PADA pagi 7 Disember 1941, pasukan pembom Jepun telah menyerang markas tentera laut Amerika di Pearl Harbor, Hawaii. Mereka telah memusnahkan 6 buah kapal perang dan merosakkan 12 yang lain serta memusnahkan 174 buah kapal terbang.



Jepun melancarkan serangan sewaktu para pegawai Amerika sedang berunding di Washington berkenaan pertikaian Jepun dengan Amerika Syarikat. Puncanya adalah kerana Jepun menduduki Indocina (sekarang Vietnam, Laos dan Myanmar) yang menjadi koloni Perancis pada tahun 1940. Sehubungan itu, pihak Amerika Syarikat telah menyekat penjualan minyak dan getah ke Jepun.

Sebelum serangan itu, pihak Amerika di Washington telah menghantar telegram ke Pearl Harbor tetapi tidak sampai sehinggalah serangan berakhir. Serangan itu menyebabkan Amerika Syarikat berperang dengan Jepun dan sekutunya, Jerman dan Itali.



Bilakah D-Day?

D-DAY adalah hari di mana pihak bersekutu mendarat di Normandy, Perancis semasa Perang Dunia Kedua. Kejadian ini berlaku pada 6 Jun 1944.




Penaklukan Normandy adalah serangan utama di bahagian barat Jerman oleh Britain, Amerika dan sekutu mereka. 3 juta askar, 9 ribu kapal laut dan 11 ribu kapal terbang terlibat. Selepas penaklukan itu, Jerman telah berundur. Rusia pula menyerang dari timur. Akhirnya Jerman menyerah kalah pada 7 May 1945.



Di manakah sutera mula-mula dikeluarkan?

SUTERA yang pertama telah dihasilkan di China. Benang daripada kepompong ulat sutera digulung pada roda pintal dan kemudian ditunen menjadi kain yang halus.



Orang China mula membuat sutera sejak lebih dari 500 tahun yang lalu tetapi mereka merahsiakan penemuan itu. Sebab itulah sukar untuk mendapat kain sutera dan harganya sangat tinggi. Pedagang terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh sepanjang Laluan Sutera

semata-mata untuk membeli kain sutera China. Ada pedagang yang sanggup datang dari tempat sejauh India dan Timur Tengah.

Pada 552 M, dua orang sami Parsi telah menyeludup keluar cara membuat sutera. Mereka telah menyembunyikan telur ulat sutera di dalam ruas buluh dan mereka juga mengambil benih pokok mulberi yang menjadi makanan kepada ulat sutera.

Bermula dari situ, orang Eropah belajar memelihara ulat sutera dan membuat sutera. Mereka kemudiannya menggunakan sutera untuk membuat jubah raja dan para pembesar.

Untuk menghasilkan kain sutera, benang halus daripada ulat sutera ditenun. Sebelum itu, benang yang digunakan oleh ulat sutera untuk membuat kepompongnya itu digulung dengan cermat supaya tidak putus atau rosak. Setiap kepompong boleh menghasilkan hingga 300 meter benang sutera.



Di manakah mesin lempat alin dicipta?

TEMBIKAR adalah antara rekaan manusia yang awal. Pada asalnya tanah liat basah dibentuk dengan tangan. Cara itu kemudiannya berkembang dan tanah liat diputar di atas roda.



Roda itu dicipta di Sumeria, Babylon dan sekitar Timur Dekat kira-kira 3,000 SM. Periuk tembikar pula telah dihasilkan sejak lebih 5,000 tahun yang lalu tetapi kasar buatannya dan mudah pecah.


Kerja membuat periuk tembikar memerlukan kemahiran. Tukang mestilah mahir memutar roda dan membakarnya di dalam tanur. Tukang-tukang zaman dahulu menyepuh periuk mereka dengan pelbagai bahan untuk menguatkannya dan supaya lebih cantik.

Penciptaan mesin lempat alin telah membawa kepada wujudnya industri seramik yang pertama.



Bilakah manusia mula menggunakan wang?

KITA menggunakan wang untuk membeli barang. Namun, semasa perdagangan bermula beribu-ribu tahun yang lalu, belum ada wang. Mereka bertukar barang. Penciptaan wang telah memudahkan urusan perdagangan.



Wang syiling dikeluarkan pada kira-kira 800 SM. Sebelum itu, perdagangan dibuat dengan cara barter, iaitu bertukar barang. Contohnya, tukang besi mungkin menukarkan pisau atau kapaknya dengan makanan atau pakaian.

Apabila tamadun manusia semakin maju, perdagangan menjadi semakin rumit. Sistem barter sukar dijalankan. Pedagang perlukan sesuatu yang berharga, kecil dan mudah dibawa untuk dijadikan pertukaran. Maka syiling yang pertama telah diperbuat menggunakan logam, terutamanya emas dan perak. Pada 800 M, wang kertas dicipta di China.



Di manakah Liga Bangsa bersidang?

SELEPAS Perang Dunia Pertama, banyak negara yang mencari kedamaian yang berpanjangan. Liga Bangsa telah ditubuhkan pada tahun 1920, bertujuan menyelesaikan perbalahan secara aman. Liga ini bersidang di Geneva, Switzerland tetapi gagal mencapai kata sepakat.




Liga Bangsa bertindak sebagai pertubuhan dunia tetapi tidak mempunyai kuasa sebenar. Orang yang bertanggungjawab sehingga tertubuhnya liga ini ialah Woodrow Wilson, Presiden Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun dia gagal memujuk Amerika Syarikat menganggotai liga ini. Sementara Jerman pula keluar dari liga ini apabila sikap negaranya dikritik.

Liga ini gagal menghalang dunia daripada berperang lagi pada 1939. Pada 1945, Bangsa-Bangsa Bersatu telah ditubuhkan dengan tujuan yang sama. Badan itu lebih berjaya tetapi masih kekurangan kuasa untuk menjadi 'kerajaan dunia' yang sebenar.



Di manakah bom atom yang pertama digugurkan?

PERANG DUNIA KEDUA sepatutnya berakhir pada 1945 tetapi pihak Jepun masih melakukan serangan. Untuk menghentikan serangan itu, sejenis senjata baru yang amat dahsyat telah digunakan iaitu bom atom.



Semasa Perang Dunia Kedua, kedua-dua belah pihak yang bertentangan bertungkus-lumus membuat bom atom. Saintis daripada beberapa buah negara berkumpul di Amerika Syarikat. Di sanalah bom atom yang pertama diuji pada 16 Julai 1945.

Pada 1945, Jerman telah tewas tetapi Jepun masih berperang. Menurunkan askar di Jepun mungkin kurang berkesan dan besar belanjanya, jadi mereka mengambil keputusan untuk menggunakan senjata baru.

Pada 6 Ogos 1945, sebutir bom atom digugurkan di bandar Hiroshima. Sebutir lagi digugurkan di Nagasaki pada 9 Ogos 1945.

Kedua-dua bandar itu musnah. Lebih daripada 100 000 orang terbunuh dan sejumlah itu juga yang cedera. Perang itu sudah tamat tetapi dunia hari ini masih takut akan kuasa pemusnah yang dimiliki oleh bom atom.



Mengapakah orang China membina Tembok Besar?

DAHULU, kerajaan China adalah sebuah empayar yang kaya dan amat membanggakan. Untuk melindunginya daripada musuh, Maharaja China telah membina sebuah tembok besar merentasi utara negeri China.



Tembok Besar China itu berukuran 2,400 kilometer panjang. Kerja membinanya dimulakan pada 221 SM. Tembok ini merupakan rantaian kubu di sepanjang sempadan bahagian Utara China. Terdapat sebatang jalan di tembok itu. Isyarat dapat dihantar di sepanjang tembok itu dengan cepat oleh askar yang berkawan.

Di sebalik tembok itu, membawa ke utara, terdapat puak nomad yang ganas seperti puak Mongolia. Selama berabad-abad tembok itu berjaya menjauhkan gasar yang menakutkan itu. Namun kesudahannya orang Mongol itu telah berjaya menakluk China.



Untuk apakah Colosseum dibina?

COLOSSEUM adalah sebuah stadium besar pada zaman Rom kuno. Orang ramai berpusu-pusu ke sana untuk melihat pertandingan yang biasanya pertarungan berdarah.




Colosseum boleh memuatkan seramai 20 ribu atau lebih penonton di tempat duduk di sekeliling gelanggangnya. Semua pertandingan berlangsung di dalam gelanggang yang berbentuk lonjong itu.

Orang Rom sukakan sukan yang ganas. Binatang dipertandingkan dengan manusia atau binatang lain, terutamanya orang yang terlatih yang dikenali sebagai gladiator. Mereka ini bertarung hinggalah satu daripada mereka mati. Gladiator yang dipanggil 'retiarii' dibekalkan perisai dan serampang tiga mata. Gladiator lain biasanya hanya menggunakan pedang, lembing dan cemeti. Biasanya rajalah yang mengadili satu-satu pertandingan itu. Kadang-kadang beribu-ribu binatang dan orang mati dalam gelanggang ini dalam satu-satu musim.



Apakah yang menyebabkan Perang Dunia Pertama?

PERANG besar yang berlaku pada 1914-1918 adalah peperangan yang paling dahsyat pernah disaksikan oleh dunia. Banyak bangsa yang terlibat dan berjuta-juta orang terkorban. Peperangan itu disebabkan oleh satu perbalahan di Eropah yang berpunca dari satu pembunuhan.



Pada 1914, Ferdinand, seorang pembesar Austria telah ditembak mati oleh pemberontak semasa melawat Sarajevo di Serbia (sekarang sebahagian daripada Yugoslavia). Pembunuhan itu memulakan rantaian peristiwa yang membawa kepada peperangan di Eropah dalam tempoh dua bulan.

Satu pihak ialah Jerman, Austria dan Turki. Satu lagi pihak pula ialah Britain, Perancis, Rusia dan kemudiannya disertai oleh Amerika Syarikat.

Semua menyangka peperangan itu akan segera berakhir tetapi senjata baru seperti mesingan menyebabkan kedua-dua belah pihak terus berperang. Buat pertama kalinya, orang awam turut dibom dari udara. Peperangan itu berterusan sehingga 1918 apabila Jerman menyerah kalah.



Apakah itu Samurai?

SAMURAI adalah pahlawan zaman pertengahan di negara Jepun. Mereka berani serta megah dan sanggup bertarung hingga ke titisan darah terakhir untuk tuan mereka.

Baju besi para samurai yang hebat itu memang menakutkan musuhnya.



Semasa zaman pertengahan, Jepun telah dilanda perang saudara. Pada masa inilah samurai membentuk tentera yang terdiri daripada pahlawan terlatih. Mereka cekap berperang di atas kuda dan senjata kegemaran mereka adalah pedang panjang. Mereka juga pakar memanah. Mereka bencikan pengecut. Mereka tidak akan menyerah kalah. Apabila senapang mula digunakan, mereka memanggilnya 'senjata si pengecut'. Namun akhirnya senjata itu telah menundukkan samurai.

Selama 800 tahun samurai mempertahankan keistimewaan mereka dalam hidup orang Jepun.



Mengapakah Perang Dunia Pertama menelan belanja yang tinggi?

ORANG memanggil Perang Dunia Pertama sebagai peperangan untuk menamatkan peperangan. Dalam peperangan ini ramai yang terkorban dan tercedera.

Peperangan itu adalah peperangan berjenjara kerana itu adalah julung-julung kalinya mesingan, kapal terbang, kapal selam dan gas beracun menunjukkan kuasa mereka yang dahsyat itu.



Pada tahun 1914, apabila peperangan bermula, kedua-dua belah pihak menjangkakan kemenangan yang cepat. Sebaliknya, Jerman dan sekutunya terjerat dalam kancah perang ini. Berjuta-juta orang terkorban semata-mata hendak menguasai beberapa meter tanah. Bandar-bandar dibom dari udara. Perang itu kemudiannya merebak hingga ke seberang laut. Lebih daripada 8 juta askar terkorban.



Di manakah universiti pertama diasaskan?

UNIVERSITI adalah tempat untuk mempelajari semua ilmu. Perkembangan ilmu pada abad pertengahan telah membawa kepada kewujudan pusat-pusat pembelajaran di seluruh Eropah. Kebanyakan universiti itu masih ada hingga ke hari ini.



Menjelang 1300an, ilmu pengetahuan telah berkembang dengan pesat. Sejak berabad-abad soal pendidikan diserahkan kepada pihak gereja. Kemudian, di seluruh Eropah muncul universiti. Universiti-universiti yang besar diasaskan di bandar-bandar utama seperti Paris, Bologna, Oxford, Cambridge dan Paraguay. Mata pelajaran yang diajar ialah undang-undang, pendidikan agama dan perubatan.

Sekolah perubatan yang pertama telah diasaskan pada abad kesembilan di sebuah universiti di Salerni, Itali. Setiap universiti dinaungi oleh raja. Dengan itu, mereka berhak menganugerahi ijazah kepada para pelajar di universiti naungan mereka. Pelajar-pelajar daripada seluruh Eropah belajar di universiti-universiti itu. Mereka menggunakan bahasa Latin, bahasa sejagat.

